

100 penyewa bantah BB Plaza dirobohkan

KUALA LUMPUR - Lebih 100 penyewa pusat membeli belah Bukit Bintang (BB) Plaza berpiket menyuarakan bantahan berhubung rancangan perobohan tempat 'perbukit' mereka, bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembangunan projek stesen My Rapid Transit (MRT) di kawasan segi tiga emas itu.

Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Penyewa-penyewa BB Plaza, Hassan Saad yang mewakili 167 peniaga berkata, keputusan merobohkan premis itu dibuat tanpa rundingan bersama penyewa, menyebabkan timbul rasa tidak puas hati mereka.

Menurutnya, MRT Corp sendiri tidak bertemu dengan pihak penyewa membincangkan perancangan tersebut, dan mereka hanya ketahui melalui laporan media.

"Perancangan asal pembinaan stesen MRT di kawasan Bukit Bintang, bangunan BB Plaza milik UDA Holdings Bhd sama sekali tidak terlibat."

"Tetapi secara mendadak pihak UDA bersetuju membenarkan pengambilan tanah yang me-



Piket yang berlangsung, semalam, sebagai tanda bantahan BB Plaza dirobohkan.

nempatkan kompleks BB Plaza kepada MRT Corp Sdn. Bhd (MRT Corp) tanpa mengkaji kedudukan masa depan kami yang ada antaranya lebih 30 tahun setia berniaga di sini," katanya pada piket yang berlangsung, di sini, semalam.

Perhimpunan tersebut turut disokong Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlhas), yang akan bersama-sama memperjuangkan nasib peniaga di situ.

Hassan menambah, mereka

(peniaga) sama sekali tidak menolak pembangunan dan pembinaan stesen MRT, mengakui ia banyak memberi faedah kepada negara, tetapi mahu dikaji semula di tempat lain, dan tidak di BB Plaza.

"Kami ingin mohon ihsan dan pertimbangan berdasarkan budi bicara Perdana Menteri untuk membantu kami penyewa-penyewa terus berniaga di sini," katanya.

Justeru, satu memorandum dihantar kepada Perdana Menteri,

Datuk Seri Najib Razak, melalui Pegawai Khas beliau, Datuk Ghazali Ibrahim, di Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Presiden Ikhlhas, Mohd Ridzuan Abdullah, berkata, pihaknya akan membantu pihak peniaga BB Plaza dalam menyelesaikan kemelut yang berlaku.

Katanya, pihaknya juga kini dalam usaha mengumpulkan tandatangan sebagai sokongan bantahan yang dibuat oleh pihak peniaga BB Plaza," katanya.

Peniaga kecewa

KUALA LUMPUR - Isu rancangan perobohan kompleks Bukit Bintang (BB) Plaza membawa pelbagai reaksi para peniaga yang selama ini menjadikan lokasi segi tiga emas itu sebagai perbukit nasi mereka.

Pengusaha butik, Ismail Che Wok, 60, berkata, apabila berlaku sebegini, timbul rasa menyesal kerana bersetuju dengan tawaran UDA Holdings Bhd 32 tahun lalu yang mahu dia berniaga di BB Plaza.



ISMAIL

Menurutnya, pada asalnya, dia menjalankan perniagaan di Kompleks Pertama dan sudah menjalankan perniagaan di BB Plaza sejak sewa RM700 hingga RM2,500.

"Dahulu, saya tidak kenal BB Plaza, pihak UDA yang rayu agar saya berniaga di sini, sehingga memberi pinjaman RM20,000 kepada saya," katanya.

Seorang lagi penyewa sebagai pengurus wang, Jahabar Sidek, 52, berkata, jika rancangan perobohan diteruskan, ia bukan hanya menjejaskan lebih 150 peniaga di situ tetapi juga melibatkan ahli keluarga yang lain.

"Jika 150 kedai berapa peniaga? berapa pekerja? Dan berapa ramai ahli keluarga? kami sokong pembangunan, tetapi ia perlu dibincangkan, kerana kami hanya mahu kekal di sini mencari rezeki yang halal," katanya.